

**Insiden Pesawat MH370 Tidak jejas Keyakinan Pelabur
Bernama
16 Mac, 2014**

MUAR, 16 Mac (Bernama) - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yakin insiden kehilangan pesawat Boeing 777-200 milik Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH370 tidak menjejaskan keyakinan pelabur asing terhadap tahap keselamatan negara ini.

Malah timbalan menterinya Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, keyakinan pelabur asing terhadap negara semakin bertambah berikutan kecekapan kerajaan menyelaras gerakan mencari dan menyelamatkan pesawat malang itu.

Bercakap kepada media selepas seminar tentang Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) di sini hari ini, beliau berkata, pelabur asing tidak mempunyai sebab untuk hilang keyakinan terhadap tahap keselamatan Malaysia.

"Malaysia mendapat pujian dari negara luar (berkenaan operasi SAR pesawat MH370) dan ia tidak memberi kesan terhadap import dan eksport kita," katanya.

Menurut Hamim, cubaan pihak tertentu memburuk-burukkan Malaysia melalui media sosial juga tidak akan menggugat keyakinan dan kepercayaan pelabur asing kerana mereka menyedari negara ini menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022363>